



Ng spastik pertama dapat PhD

SERDANG: Seorang pemuda spastik yang menghidapnya sejak berumur setahun mencatat sejarah apabila menjadi orang kurang upaya (OKU) jenis spastik pertama memperoleh Ijazah Doktor Falsafah (PhD).

Kejayaan Ng Chee Kyun, 32, (**gambar**) graduan bidang Kejuruteraan Komunikasi dan Rangkaian, kelahiran Kuala Lumpur itu bukan saja menjadi kebanggaan Universiti Putra Malaysia (UPM), malah membuktikan kecemerlangan OKU di negara ini.

Beliau yang menghidap penyakit itu akibat penyakit kuning, memulakan pengajian peringkat diploma dalam bidang pertanian pada 1994 di universiti sama dan terpaksa melalui pelbagai cabaran sebagai pelajar OKU.

Ng adalah seorang daripada 775 graduan yang menerima penganugerahan daripada Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah yang juga Tuanku Canselor UPM pada majlis Konvokesyen UPM ke-31 (sidang pertama) di sini, semalam.

Beliau yang diberikan penghormatan mewakili graduan untuk berucap sempena majlis konvokesyen itu, jelas sebak ketika menceritakan pengalamannya sepanjang belajar di universiti itu. Malah, sebahagian graduan dan tetamu termasuk Sultan Sharafuddin kelihatan sedih mendengar ucapan 15 minit itu.

Ng yang berhasrat menjadi pensyarah di UPM, berkata kehidupan seorang OKU dalam kehidupan kampus amat mencabar kerana perlu bersaing dengan golongan normal yang memiliki kelebihan dari pelbagai aspek.

"Tetapi, atas usaha mahu menggenggam PhD dalam meningkatkan kesedaran orang ramai terhadap OKU, saya berdikari dan mencari kaedah untuk belajar sendiri tanpa bantuan orang lain," katanya yang kini bekerja sebagai penyelidik di Mimos Berhad (Mimos).

15 minit itu.

Ng yang berhasrat menjadi pensyarah di UPM, berkata kehidupan seorang OKU dalam kehidupan kampus amat mencabar kerana perlu bersaing dengan golongan normal yang memiliki kelebihan dari pelbagai aspek.

"Tetapi, atas usaha mahu menggenggam PhD dalam meningkatkan kesedaran orang ramai terhadap OKU, saya berdikari dan mencari kaedah untuk belajar sendiri tanpa bantuan orang lain," katanya yang kini bekerja sebagai penyelidik di Mimos Berhad (Mimos).

Sementara itu, penerima anugerah Pingat Emas Canselor, Alias Ismail, 23, berkata dugaan paling getir ditempuhinya pada April 2005 apabila ayahnya terbabit dalam kemalangan ketika beliau menduduki peperiksaan akhir tahun kedua.

Namun, anak kedua daripada tiga beradik dari Kuala Lumpur itu menjadikan insiden berkenaan sebagai pembakar semangat untuk terus cemerlang dalam pengajian bagi membolehkan beliau menggalas tanggungjawab menyara keluarga menggantikan ayahnya yang kurang upaya akibat kemalangan itu.

"Pihak universiti membenarkan saya menangguhkan peperiksaan selama dua minggu untuk melawat ayah yang koma dan lumpuh separuh badan akibat kemalangan itu," katanya.